



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

PENYELARASAN HARGA KAWALAN MAKSIMUM BAHARU BENIH PADI SAH PERINGKAT RUNCIT

PUTRAJAYA, 20 OKTOBER 2023 – Selaras dengan pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023, Kerajaan telah memutuskan untuk meningkatkan harga lantai belian padi daripada RM1,200 per tan metrik kepada RM1,300 per tan metrik. Peningkatan ini dijangka akan memberi impak kepada harga padi terutamanya padi benih, iaitu padi yang ditanam untuk dijadikan sebagai benih. Oleh itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjangkakan kenaikan harga padi benih ini akan menyebabkan kos pengeluaran benih padi termasuk bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) akan turut meningkat dan tidak dapat dijual dengan harga kawalan maksimum sedia ada iaitu RM35 per kampit 20 kilogram.

KPKM cakna dengan rungutan para pesawah di lapangan iaitu berkaitan kesukaran mendapatkan benih padi sah (BPS) di pasaran selain peningkatan harga BPS per kampit 20 kilogram sehingga mencecah RM50. Mengambil kira pelbagai faktor, berkuatkuasa pada hari ini, KPKM akan melaksanakan penyelarasan **harga kawalan maksimum baharu** bagi program IBPS di seluruh Semenanjung Malaysia seperti berikut:

- i. Penyelarasan harga maksimum di pintu gudang syarikat pengeluar BPS daripada RM31 kepada RM40 per kampit 20 kilogram; dan
- ii. Penyelarasan harga maksimum di peringkat peruncit daripada RM35 kepada RM45 per kampit 20 kilogram.

Penyelarasan ini **tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan** kepada Kerajaan dan tidak merubah struktur pengeluaran, pembekalan dan pengedaran BPS sedia ada melibatkan 12 syarikat pengeluar BPS, 13 syarikat pemborong, dan 456 peruncit di seluruh negara.

Melalui penyelarasan harga baharu BPS ini, ia akan menggalakkan penggunaan BPS yang bermutu tinggi dan rintang penyakit di kalangan para pesawah, di samping mengelakkan penggunaan benih padi tidak sah atau benih “kampit putih” di pasaran. Ketersediaan dan harga benih yang munasabah bagi pesawah semestinya menjadi fokus utama Kerajaan bagi memastikan keseimbangan ekosistem industri padi dan beras negara dalam tempoh jangka panjang.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

20 OKTOBER 2023